

# UTM PERDANA POLICY BRIEF

No.1, Jan. 2019

## Amanat YB Menteri Pendidikan 2019

[m.subari@utm.my](mailto:m.subari@utm.my)

YB Menteri Pendidikan telah memberikan amanat tahun baru 2019 beliau, yang menggariskan halatuju pendidikan negara di kedua peringkat sekolah dan pengajian tinggi, bertempat di Universiti Putra Malaysia pada 14hb Januari 2019. Tema amanat tahun baru beliau adalah '**Sekolah untuk Masyarakat, Universiti untuk Komuniti dan Pendidikan untuk semua**'.

Tiga halatuju pendidikan negara yang dinyatakan adalah; Mengembalikan cinta ke dalam pendidikan (pendidikan berteraskan nilai); Ketinggian kualiti sebagai pemangkin kecemerlangan, relevansi dan keberkesanan, serta Ketinggian kualiti dan; Autonomi dan akauntabiliti.

Policy brief ini akan melihat kaitan sains dan teknologi (S&T) didalam halatuju pendidikan sebagaimana yang dinyatakan oleh YB Menteri Pendidikan.

Di dalam menerangkan halatuju ke dua, iaitu '**Ketinggian kualiti sebagai pemangkin kecemerlangan, relevansi dan kecemerlangan**' beliau menggariskan secara khusus kepentingan penggunaan S&T di dalam pendekatan itu.

Pendekatan ini beliau nyatakan sebagai "Konsep pembelajaran tidak hanya tertakluk di sebalik *four walls of room*. Konsep pembelajaran yang baik mestilah relevan di setiap masa dan setiap tempat."



Secara khususnya kita melihat, beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan adalah secara langsung berasaskan kepada S&T, iaitu;

- Menggunakan teknologi *blockchain*, kepintaran buatan (*Artificial intelligence*) dan Pensejagatan Internet (*Internet of things*).
- Memberikan tumpuan kepada Pendidikan STREAM (*Science – Technology – Reading – Engineering – Arts – Mathematics*).
- Keperluan bagi memperkenalkan dan mempopularkan Sains sebagai satu cara hidup.

Sebelum ini, konsep pendidikan STEM (*science, technology, engineering and mathematics*) telah digunakan bagi menekankan aliran S&T, namun kelihatannya pendekatan yang lebih holistik akan dilaksanakan oleh Kementerian, iaitu STREAM (*Science – Technology – Reading – Engineering – Arts – Mathematics*).

Saranan beliau bahawa “Pendidikan bukan hanya soal apa yang disampaikan, tetapi juga soal bagaimana ia disampaikan”, menyimpulkan kepentingan S&T sebagai alat pengajaran dan pembelajaran yang penting.

Di dalam halaju kedua ini juga, ‘Peningkatan Mutu’ pendidikan diberi keutamaan melalui dua pendekatan penting; pertama, meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris, dan kedua, meringankan beban guru di sekolah. Pengupayaan Bahasa Inggeris adalah satu keperluan semasa untuk menguasai S&T, sementara kaedah paling berkesan untuk meringankan beban guru di sekolah adalah dengan menggunakan S&T. YB Menteri menegaskan kepada kepentingan untuk para guru dikembalikan kepada tugas hakiki mereka - mengajar dan mendidik, bukan diberatkan dengan tugas ‘perkeranian’ di sekolah, seperti pengurusan dan penilaian murid.

Antara inisiatif yang akan dilaksanakan oleh untuk mengupayakan Bahasa Inggeris di sekolah adalah;

- *Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*,
- Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah, atau *the English Language Enhancement Programme in Secondary Schools (PPKBIS)*
- Program Intervensi Tambah Opsyen Bahasa Inggeris (PITO BI) Sekolah Rendah
- Program *English for Preschool Teachers*
- Program Gerak Jangkau Bahasa Inggeris (Outreach Programme)
- Program *English at the Workplace for Professionals in Education Programme*

Sementara inisiatif meringankan beban guru di sekolah akan dilaksanakan melalui inisiatif berikut;

- Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi
- Pengurusan data dan sistem online
- Sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS

- Penyeragaman borang dan sistem pemantauan
- Penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah

Di peringkat pendidikan tinggi pula, YB Menteri telah menggariskan beberapa inisiatif yang dapat mengembalikan semula ‘wibawa’ pusat pengajian tinggi, antaranya adalah;

- Menggalakkan universiti untuk menyuburkan budaya dialog, forum, debat, wacana dan program-program lain yang bersifat intelektual
- Etika merupakan aspek yang sangat besar dan akan ditekankan
- Geran-geran yang akan dikeluarkan mestilah berbentuk: *knowledge transfer*
- Memudahkan sistem kenaikan pangkat
- Sistem perhubungan antara perpustakaan seluruh universiti akan ditambah baik
- Penyelidikan ke arah menyelesaikan masalah masyarakat yang bersifat semasa dan substantial
- Menjadikan Malaysia sebagai *international education hub*

Antara yang akan menggembirakan para kademia adalah pelaksanaan proses kenaikan pangkat di universiti untuk staf akademik yang akan dilaksanakan secara autonomous tanpa perlu mengisi sebarang borang seperti sekarang. Satu lagi aplikasi S&T yang sebenarnya harus telah dilaksanakan dahulu lagi.

Kementerian Pendidikan akan terus memberi penekanan kepada program teknikal dan vokasional melalui TVET. Inisiatif pendidikan negara berdasarkan TVET ini amat penting dalam menyediakan ‘*skillsets*’ kepada tulang belakang tenaga kerja negara di masa ini dan akan datang.

Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah;

- Meningkatkan kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan
- Menyelesaikan isu pengiktirafan Kolej Vokasional
- Kolej Vokasional diletakkan selari bersama insititusi-institusi TVET yang lain
- TVET benar-benar setaraf dengan pilihan lain dan bukan lagi sebagai pilihan kedua atau pilihan alternatif
- Peningkatan rangkaian dan usahasama Politeknik dan Kolej Komuniti dengan industri

YB Menteri menutup amanatnya dengan menyeru kepada penglibatan semua bagi merialisasikan halatuju pendidikan negara yang baharu ini dengan menyatakan bahawa “Apa yang ingin dilakukan bukanlah mudah namun ia tidak mustahil sekiranya kita melakukannya bersama-sama – *this is not a one-man show.*”

End-of-doc